

# PM gesa percepat pembangunan di Sabah

**Tenom:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa pembangunan kemudahan untuk rakyat Sabah, termasuk bekalan air dan elektrik serta Lebu Raya Pan Borneo, dipercepat tanpa ada sebarang alasan lagi.

Perdana Menteri berkata, penegasan itu perlu dilakukan kerana terdapat projek pembangunan untuk kemudahan masyarakat di negeri ini, tertangguh seperti Empangan Hidroelektrik Ulu Padas yang berupaya menyediakan bekalan elektrik dan air bagi keselesaan rakyat.

“Projek tertangguh antara lain menyebabkan dua kesan, iaitu kos meningkat dan kesan terhadap harapan rakyat untuk memperoleh kemudahan, terutama bekalan elektrik dan air.

“Contohnya, empangan ini. Pastikan ada pelaksanaan dan pemantauan supaya tiada



alasan untuk langkahkan.

“Tekad ini amat kritikal, mendesak untuk rakyat. Siapkan lebih cepat dan beri keselesaan kepada rakyat. Itu sikap yang kita mesti ada sekarang,” katanya ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Empangan Hidroelektrik Ulu Padas, di sini, semalam.

Empangan Hidroelektrik Ulu

Padas yang dijangka siap pada 2029 dengan kos RM4 bilion, mempunyai keupayaan bekalan elektrik 187.5 megawatt.

Empangan mempunyai kawasan tadahan 1,905 kilometer persegi itu dibangunkan UPP Holdings Sdn Bhd, dan ditubuhkan hasil kerjasama strategik SEC yang juga anak syarikat ke-

rajaan negeri, Gamuda Berhad serta Kerjaya Kagum Hitech JV Sdn Bhd.

Seterusnya, Anwar berkata, projek pembinaan Lebu Raya Pan Borneo Sabah yang mengambil masa lama disiapkan, antara lain disebabkan isu kontraktor dan campur tangan politik, perlu diselesaikan segera bagi memberi kemudahan pengangkutan terbaik kepada rakyat.

“Kita memastikan urusan kontraktor lebih telus. Pan Borneo ini sudah puluhan tahun, hampir siap di Sarawak. RM15 bilion untuk projek ini bukan murah. Saya minta Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (Menteri Kerja Raya) membuat peman-tauan dan beri kuasa untuk segerakan,” katanya.

Beliau berkata, kemudahan asas itu juga penting dalam usaha menarik masuk lebih ramai pelabur. **BERNAMA**